



13 Oktober 2014
13 October 2014
P.U. (A) 273

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014

GOODS AND SERVICES TAX (RELIEF) ORDER 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 56 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 13 Oktober 2014.

Pelepasan daripada pengenaan dan pembayaran cukai

2. (1) Orang yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama dilepaskan daripada pembayaran cukai ke atas perolehan barang yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama tertakluk kepada syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual Pertama.

(2) Orang yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Kedua dilepaskan daripada pengenaan cukai ke atas pembekalan barang yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Kedua tertakluk kepada syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual Kedua.

(3) Orang yang ditetapkan dalam ruang (5) Jadual Pertama dan Jadual Kedua hendaklah mengemukakan suatu sijil yang ditandatangani oleh orang yang ditetapkan itu sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual Ketiga kepada pegawai cukai barang dan perkhidmatan.

Pelepasan daripada pembayaran cukai ke atas barang diimport

3. Mana-mana orang yang mengimport barang yang ditentukan dalam Jadual Pertama kepada Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014 [*P.U. (A) 272/2014*] adalah dilepaskan daripada pembayaran cukai ke atas pengimportan barang itu.

Takat pelepasan

4. Pelepasan yang disebut dalam perenggan 2 hendaklah diberikan sepenuhnya berkenaan dengan barang yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama dan Jadual Kedua melainkan jika dinyatakan selainnya dalam syarat sebagaimana dalam ruang (4) Jadual Pertama dan Jadual Kedua itu.

Masa apabila pelepasan berkuat kuasa

5. Pelepasan daripada pengenaan atau pembayaran cukai ke atas barang hendaklah mula berkuat kuasa—

- (a) jika pelepasan itu tertakluk kepada pengemukaan sijil, pada masa sijil itu diluluskan oleh pegawai cukai barang dan perkhidmatan; dan
- (b) dalam hal barang import, jika pegawai kastam yang hak yang kepadanya barang itu telah diisytihar, membenarkan import atau eksport barang itu.

Syarat lain

6. Mana-mana orang yang telah diberikan pelepasan hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (a) apa-apa barang yang diberikan pelepasan hendaklah tidak dilupuskan, dijual, dipindahkan dalam negara atau tidak diakaunkan, dengan syarat bahawa bayaran cukai telah dibuat;
- (b) mana-mana orang yang menuntut pelepasan daripada pembayaran cukai hendaklah melengkapi dan memberikan suatu sijil sebagaimana dalam Jadual Ketiga; dan
- (c) mana-mana orang yang diberikan pelepasan hendaklah menyimpan rekod atau akaun barang yang diimport atau dibeli dan rekod atau akaun itu tersedia untuk pemeriksaan oleh mana-mana pegawai kanan cukai barang dan perkhidmatan pada bila-bila masa.

GOODS AND SERVICES TAX ACT 2014

GOODS AND SERVICES TAX (RELIEF) ORDER 2014

IN exercise of the powers conferred by section 56 of the Goods and Services Tax Act 2014 [*Act 762*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Goods and Services Tax (Relief) Order 2014**.

(2) This Order comes into operation on 13 October 2014.

Relief from charging and payment of tax

2. (1) The persons specified in column (2) of the First Schedule are relieved from the payment of tax on the acquisition of goods specified in column (3) of the First Schedule subject to the conditions as specified in column (4) of the First Schedule.

(2) The persons specified in column (2) of the Second Schedule are relieved from charging tax on the supply of goods specified in column (3) of the Second Schedule subject to the conditions as specified in column (4) of the Second Schedule.

(3) The person designated in column (5) of the First Schedule and the Second Schedule shall produce a certificate signed by such designated person as described in the Third Schedule to the officer of goods and services tax.

Relief from payment of tax on imported goods

3. Any person importing goods which are determined in the First Schedule to the Goods and Services Tax (Zero-Rated Supply) Order 2014 [*P.U. (A) 272/2014*] is relieved from the payment of tax on the importation of such goods.

Extent of relief

4. The relief referred to in paragraph 2 shall be granted in full in respect of the goods specified in column (3) of the First Schedule and the Second Schedule unless otherwise specified in the conditions as in column (4) of the First Schedule and the Second Schedule.

Time when relief takes effect

5. The relief from charging or payment of tax on goods shall take effect—

- (a)* where the relief is subject to the production of a certificate, at the time the certificate is approved by the officer of goods and services tax; and
- (b)* in the case of imported goods, where the proper officer of customs to whom the goods have been declared, permits the import or export of such goods.

Other conditions

6. Any person who has been granted relief shall be subject to the following conditions:

- (a)* any goods given relief shall not be disposed of, sold, transferred locally or not accounted for, on the condition that the payment of the tax has been made;
- (b)* any person claiming relief from the payment of tax shall complete and furnish a certificate as in the Third Schedule; and
- (c)* any person given relief shall keep records or accounts of the goods imported or purchased and the records or accounts is made available for inspection by any senior officer of goods and services tax at any time.